

19/11/1998

Kerajaan digesa teruskan beli jet

KERAJAAN diminta meneruskan cadangan pembelian jet eksekutif bagi kegunaan ketua negara ini dan mengetepikan apa juga tohmahan berhubung perkara itu.

Ahli Parlimen (BN) Yan, Datuk Badruddin Amiruddin berkata, ini kerana, pesawat yang kini digunakan oleh ketua negara ini sudah terlalu uzur.

"Kita, tentunya berasa malu jika ketua negara kita terpaksa meminjam jet orang lain atau naik pesawat komersil apabila hendak keluar negara menjalankanurusan kerajaan," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pertahanan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata, tidak faham mengapa timbulnya tohmahan kononnya pembelian jet itu adalah atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedangkan ia disuarakan sendiri oleh ahli parlimen tidak lama dahulu.

"Saya masih ingat lagi, kita (ahli parlimen) sendiri termasuklah daripada Pas dan DAP, telah bersetuju menyuarakan agar kerajaan membeli pesawat yang baru bagi kegunaan ketua negara kita, iaitu Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri," katanya.

Sambil meminta ahli parlimen meneruskan sokongan terhadap pembelian itu, beliau berkata: "Pesawat itu bukannya akan didaftarkan di atas nama Perdana Menteri sebaliknya adalah atas nama kerajaan Malaysia."

Sebelum itu, Badruddin meminta menteri pertahanan menjelaskan mengenai kedudukan sebenar perjanjian penggunaan ruang udara di antara Singapura dan negara ini.

Menurutnya, ini kerana beliau tidak mahu Singapura terus melanggar perjanjian yang dipersetujui.

Tegasnya, sebagai sebuah negara berjiran, mereka (Singapura) sepatutnya belajar menghormati antara satu sama lain dan bukannya mengambil kesempatan.

Badruddin turut meminta kerajaan membuat kajian mendalam sebelum membuat keputusan membeli jet pejuang bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan latihan juruterbangnya bagi memastikan tidak berlakunya kemalangan yang disebabkan oleh kesilapan teknikal pesawat dan juruterbang.

Persidangan Dewan Rakyat disambung Selasa.

(END)